

Nasir rasmi Seminar Pemurnian Akidah ke-2

DE 14-12-12 6

KOTA KINABALU: Menteri Di Jabatan Ketua Menteri Sabah Datuk Nasir Tun Sakaran merasmikan Seminar Pemurnian Akidah 2012: 'Ancaman Dan Cabaran Terhadap Ummah' anjuran bersama Pejabat Mufti Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah di Dewan Resital UMS dekat sini.

Antara objektif seminar itu memberikan penerangan dan maklumat serta ancaman terhadap fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, mendedahkan ideologi serta pemikiran pluralisme dan liberalisme dan mencari kaedah yang berkesan bagi mengekang dan mernangani perkara itu.

Seminar itu merupakan seminar kedua selepas Seminar Pemurnian Akidah: 'Penjelasan Mengenai Fahaman Syiah' yang telah diadakan pada akhir November lepas.

Nasir yang juga Menteri bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah berkata demi keperluan menyebarkan ilmu dan kefahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan juga sebagai inisiatif memelihara akidah ummah dari sebarang bentuk ancaman ideologi moden serta ajaran yang menyeleweng dari landasan Islam maka seminar umpama itu sangat wajar diteruskan.

Beliau menambah ia adalah kerana tanpa

disedari berlaku penularan ideologi dan fahaman falsafah moden dan lama di samping gerakan mazhab dan ajaran sesat yang sering memberi ancaman kepada akidah umat Islam yang berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Nasir menegaskan perkara itu perlu diambil perhatian terutamanya dari segi penguatkuasaan dan tindakan undang-undang ke atas kumpulan ajaran sesat yang menyeleweng dan bertentangan dengan ajaran Islam agar ianya dapat dibentasi lebih awal dan tidak berleluasa khususnya di negeri ini.

Beliau menambah pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk seminar itu yang mampu memperkasakan lagi keutuhan dan menjernihkan kefahaman ummah.

"Kesungguhan dari pelbagai pihak sama ada badan kerajaan mahupun NGO adalah bertanggungjawab dalam menyumbang kepada keberkesanan usaha yang dilaksanakan," kata Nasir.

Namun begitu, beliau menambah pihak berkuasa agama yang diamanahkan untuk menguatkuasakan undang-undang Islam perlu terus mengambil perhatian serius di dalam menanganai ancaman akidah ini secara berhemah sebelum ianya menjadi sukar dibentasi.